

10 APR 2001

SARAWAK-INDUSTRI

INDUSTRI TEMPATAN MESTI "GLOBALKAN" OPERASI MEREKA

KUCHING, 10 April (Bernama) -- Industri-industri tempatan mesti mempertingkatkan operasi mereka bagi menempuh cabaran-cabaran liberalisasi dan globalisasi perdagangan sejajar dengan rancangan pembangunan perindustrian negeri, kata Timbalan Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Dr George Chan hari ini.

Chan, yang juga merupakan Menteri Pembangunan Industri berkata untuk memapankan ekonomi Sarawak, industri-industri perlu bertindak agresif dalam menguasai teknologi canggih bagi memastikan yang mereka cekap dan produktif dalam operasi mereka.

"Pekerja-pekerja berpengetahuan menyediakan asas untuk ekonomi berpengetahuan (k-ekonomi). Oleh yang demikian, kita mesti bersedia untuk melabur lebih dalam pembangunan sumber manusia menerusi latihan berterusan dan meningkatkan kepakaran pengurusan," kata beliau pada perasmian penyampaian sijil MS ISO 9002 kepada Neste Chemicals Sdn Bhd di sini.

Inilah julung-julung kalinya award seumpama itu dianugerahkan kepada pengeluar damar perekat yang berpangkalan di Sarawak.

Chan berkata Rangka Rancangan Jangka Panjang Ke-tiga (OPP3) yang dibentangkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini, antara lainnya, akan menggerakkan negara ke arah pembangunan industri berasaskan pengetahuan bagi membolehkan produk buatan Malaysia kekal kompetitif.

Mengenai kewujudan industri-industri berkaitan kayu, Chan berkata kerajaan Sarawak menggalakkan pertumbuhannya "bagi memastikan yang industri-industri ini boleh mendapat perkhidmatan dari industri-industri sokongan sedemikian".

Ini juga boleh membantu negeri itu mencapai darjah ketahanan dan pertumbuhan yang lebih tinggi untuk mengekalkan pembangunan ekonomi dan perindustrian jangka panjangnya, kata beliau.

Chan berkata oleh yang demikian, pemegang-pemegang saham Hexza-Neste mendapati ia merupakan satu peluang yang baik untuk melabur dalam pembuatan damar perekat bagi membekal dan melengkapkan kerja pengeluar-pengeluar panel kayu tempatan.

Syarikat itu merupakan kerjasama tiga pihak antara Hexza Corporation Berhad, Neste Oy dan Yayasan Sarawak.

Terdahulu, pengerusi kumpulan Dr Foong Weng Sum berkata kilang itu pada masa ini, mempunyai pengeluaran kapasiti formalin 88,000 metrik tonne setahun yang boleh menyokong 130,000 metrik tonne pengeluaran damar ekor an perluasan syarikat pada tahun 1999.

Daripada penguasaan pasaran yang sifar, Hexza-Neste, hari ini menguasai 30 peratus pasaran damar perekat di Sarawak, kata beliau. -- BERNAMA

CJ AA